942/1 **STPM 2019**

GEOGRAFI

KERTAS 1

(Dua Jam)

PEPERIKSAANPERCUBAAN2018PEPERIKSAANPERCUBAAN2018PEPERIKSA

PROGRAM PENINGKATAN AKADEMIK
GEOGRAFI STPM

Arahan kepada calon :

*Jawab **empat** soalan.*

Bahagian A : Jawab soalan **1** dan satu soalan lain sama ada Soalan **2** atau soalan **3**.

Bahagian B : Jawab soalan **4** dan satu soalan lain sama ada Soalan **5** atau soalan **6**.

Jawapan untuk soalan **1** dan bagi **Bahagian A** dan Soalan **4** bagi **Bahagian B** hendaklah ditulis dalam ruang yang disediakan dalam kertas soalan ini.

Untuk menjawab sama ada soalan **2** atau soalan **3** bagi **Bahagian A** dan soalan **5** atau soalan **6** bagi **Bahagian B**, anda dikehendaki menggunakan helaian jawapan yang disediakan.

Markah untuk tiap-tiap soalan diberikan dalam tanda kurung ([ ])

Untuk Kegunaan Pemeriksa	
BAHAGIAN A	
1	
2	
3	
BAHAGIAN B	
4	
5	
6	
JUMLAH	

BAHAGIAN A: *ALAM SEKITAR FIZIKAL*
[40 markah]

Jawab **semua** *soalan.*

1. (a) Berikan maksud batuan *metamorfosis.* [3]

.....

.....

.....

(b) Huraikan proses pembentukan batu *igneus* dan batu *enapan.* [4]

.....

.....

.....

.....

(c) Jelaskan perkaitan antara jenis batuan dengan konfigurasi bentuk bumi. [4]

i).....

.....

.....

ii).....

.....

.....

(d) Huraikan dua kepentingan batuan terhadap aktiviti pertanian? [4]

i.).....

.....

.....

ii).....

.....

.....

*Jawab sama ada soalan **2** atau **3a)** atau **3b)***

2. (a) Huraikan komponen persekitaran fizikal bumi sebagai satu sistem? [12]

(b) Bincangkan tindakan manusia yang boleh menganggu keseimbangan sistem fizikal. [13]

3 (a) (i). Jelaskan bagaimana beban di dalam sungai diangkut. [12]

(ii). Bincangkan faktor fizikal yang mempengaruhi keberkesanan pengangkutan bahan dalam alur sungai. [13]

ATAU

3. (b) (i). Bincangkan proses pembentukan bentuk muka bumi pinggir pantai. [13]

(ii).Jelaskan pengaruh bentuk muka bumi pinggir pantai terhadap aktiviti manusia. [12]

c) Jelaskan kesan transformasi desa terhadap kemerosotan kualiti alam sekitar [6]

i)……

……

……

……

ii)……

……

……

……

iii)……

……

……

……

*Jawab sama ada soalan **5** atau **6***

5. Jadual di bawah menunjukkan Kadar Kelahiran dan Kadar Kematian penduduk Malaysia dari tahun 2010 hingga 2013 (peratus)

Tahun / Ciri Demografi	2009	2010	2011	2012	2013
Kadar Kelahiran	17.9	17.2	17.6	17.8	16.3
Kadar Kematian	4.7	4.6	4.7	4.7	4.7

(Sumber :Jabatan Perangkaan Malaysia)

(a) Berdasarkan jadual di atas,

i) hitung kadar pertumbuhan penduduk semula jadi Malaysia dari tahun 2009 hingga 2013 [3]

ii) lukis graf yang sesuai bagi menunjukkan Kadar Kelahiran, Kadar Kematian dan Pertumbuhan penduduk Malaysia dari tahun 2009 hingga 2013. [10]

(b) Huraikan kesan pertumbuhan penduduk di negara membangun terhadap status sosioekonomi. [12]

BAHAGIAN A: *ALAM SEKITAR FIZIKAL*
[40 markah]

Jawab **semua** *soalan.*

1. (a) Berikan maksud batu *metamorfosis*. [3]

Batuan metamorfosis ialah batuan baharu yang terbentuk melalui proses penjelmaan batu igneus atau batu enapan yang mengalami tekanan dan haba/suhu panas dalam kerak bumi menyebabkan batuan asal mengalami perubahan tekstur dan komposisi kimia sebelum membentuk batuan baharu.

(b) Huraikan proses pembentukan batu igneus dan batu enapan [4]

Batuan igneus terbentuk melalui proses penyejukan dan pemejalan/pembekuan magma sama ada di dalam kerak bumi yang membentuk igneus rejahan atau di luar kerak bumi membentuk igneus terobosan. Manakala batu enapan terbentuk melalui proses pemadatan dan penyimenan bahan-bahan mendapan oleh sungai, glasier , angin atau ombak yang terdiri daripada bahan-bahan bukan organik atau bahan organik.

(c) Jelaskan perkaitan antara jenis batuan dengan konfigurasi bentuk bumi. [4]

i. *Batuan igneus* yang merupakan kumpulan batuan yang keras boleh menghasilkan air terjun atau jeram . Batuan ini tahan hakisan seperti daik atau sil yang membentuk air terjun dan jeram. Juga boleh menghasilkan tebing tinggi di kawasan pinggir pantai dan membentuk banjaran gunung spt. Banjaran Titiwangsa.

ii.*Batuan enapan* seperti batu kapur boleh menghasilkan kawasan pandang darat karst/gua batu kapur melalui proses luluhawa kimia yang menghakis batu kapur menghasilkan kepelbagaian bentuk bumi di kawasan batu kapur seperti stalagtit, stalagmit, gua dan sungai bawah tanah.

iii.*Batuan metamorfosis* seperti batu marrmar, batu gneis boleh membentuk bukit atau banjaran gunung yang tahan daripada proses luluhawa dan hakisan.

(Mana-mana 2 Isi x 2m = 4m)

(d) Huraikan dua kepentingan batuan terhadap aktiviti pertanian? [4]

i. Batuan igneus jenis basalt yang terluluhawa hasil daripada magma gunung berapi yang kaya dengan mineral dan subur sesuai sebagai kawasan tanaman padi/ pertanian.

ii.Batu enapan seperti batu kapur boleh digunakan untuk meneutralkan tanah sawah yang berasid kesan penggunaan baja. Tujuan penggunaan kapur untuk menyahkan asid dari tanah sawah.

iii. Batuan fosfat yang terdapat di kawasan batu kapur boleh digunakan sebagai sumber untuk menghasilkan baja kimia bagi aktiviti pertanian.

(Mana-mana 2 Isi x 2m = 4m)

2. (a) Huraikan komponen persekitaran fizikal bumi sebagai satu sistem. ? [12]

Bumi wujud sebagai satu sistem melalui interaksi antara semua komponen sistem bumi iaitu:-

A1 Hidrosfera – bahagian yang merujuk kepada air yang terdiri daripada lautan, laut, sungai, tasik dan sebarang permukaan air di bumi. Bahagian ini menyumbangkan sumber air atau bekalan air kepada tumbuhan, haiwan dan manusia.

A2 Litosfera – merujuk kepada kerak bumi yang terdiri daripada pelbagai jenis batuan dan mineral seperti batuan igneus, enapan dan metarmorfosis. Batuan ini mengandungi kepelbagaian jenis mineral seperti bijih timah, arang batu, emas yang boleh dijadikan sumber tenaga dan sumber bahan mentah industri untuk kegunaan manusia.

A3 Atmosfera – Merujuk kepada bahagian yang terdiri daripada perbagai campuran jenis gas seperti oksigen, karbon dioksida dan nitrogen. Campuran gas ini mempunyai kepentingan untuk kehidupan manusia dan alam sekitar di dalam sistem bumi seperti O2 untuk pernafasan manusia dan haiwan dan CO2 untuk proses fotosintesis.

A4 Biosfera – Merujuk kepada bahagian hidupan yang terdapat di bumi yang terdiri daripada tumbuhan dan haiwan/mikro organisme. Tumbuhan dan haiwan akan membentuk sistem ekologi yang menjadi penggerak kepada sesebuah ekosistem seperti ekosistem hutan, akuatik dan sebagainya.

Pemarkahan : 3m X 4 isi = 12m

(b) Bincangkan tindakan manusia yang boleh menganggu keseimbangan sistem fizikal. [13]

B1 – Aktiviti pembalakan – boleh menganggu sistem ekologi yang menyebabkan gangguan terhadap sesebuah ekosistem seperti gangguan rantaian makanan, kemusnahan habitat dan kepupusan spesies hidupan atau tumbuhan. – sistem biosfera

B2 – Aktiviti perindustrian – pembebasan asap, habuk dan gas pencemar hasil aktiviti perindustrian menyebabkan udara tercemar. Boleh menyebabkan berlakunya fenomena jerebu,hujan asid – sistem atmosfera

B3 – Aktiviti Pertanian – Penggunaan racun, baja,dan aktiviti pembakaran boleh menyebabkan gangguan terhadap persekitaran seperti pencemaran udara, peningkatan suhu. – sistem atmosfera.

B4 – Aktiviti penternakan –Pengaliran najis ternakan ke dalam saliran boleh menyebabkan pencemaran air dan sungai. –sistem hidrologi

B5 – Aktiviti pertanian – Penggunaan baja kimia kepada tanaman boleh menyebabkan pencemaran tanih, hakisan akibat pembukaan kawasan pertanian hasil aktiviti penyahhutanan. –sistem litosfera

B6 – Aktiviti Pembinaan – Pembinaan kawasan petempatan, pembandaran dan penggunaan bahan-bahan binaan boleh menyebabkan pencemaran air dan peningkatan suhu akibat pengaliran sisa binaan ke dalam sistem saliran dan kemusnahan kawasan hutan. – sistem hidrosfera dan sistem atmosfera.

B7 – Aktiviti Pelancongan - Pembukaan kawasan pelancongan menyebabkan penyahhutanan, pencemaran akibat sisa pepejal dan kumbahan - sistem hidrosfera dan sistem biosfera.

B8 – Aktiviti perlombongan – Kegiatan perlombongan boleh menyebabkan sumber air tercemar dan berkelodak seperti perlombongan bauksit, bijih timah dan emas manakala kegiatan perlombongan kuari boleh menjejaskan kualiti udara. . Juga boleh menyebabkan hakisan tanah. – sistem hidrosfera ,sistem atmosfera dan sistem litosfera.

B9 – Aktiviti perikanan – pencemaran air dan gangguan terhadap kepelbagaian biologi sumber marin seperti kepupusan, kemusnahan habitat. – sistem hidrosfera dan biosfera.

Mana-mana 6 isi X 2m + 1m kesimpulan = 13m

3 (a) (i). Jelaskan bagaimana beban di dalam sungai diangkut. [12]

Ai1 – Apungan – bahan muatan sungai yang halus dan ringan spt kelodak/ lempung/sampah sarap/botol/ranting kayu akan diangkut secara terapung-apung di atas permukaan air. Bahan-bahan ini akan memperlahankan aliran sungai dan mengurangkan daya hakisan sungai .

Ai2 - Ampaian – bahan muatan sungai yang berbutir spt pasir, kelikir dan kelodak akan diangkut secara terampai-ampai di dalam aliran air sungai. Bahan ini digerakkan oleh aliran sungai ke atas dan ke bawah mengikut isipadu dan halaju aliran air sungai. Bahan ini efektif melakukan hakisan lelasan dan lagaan ditebing dan lurah sungai.

Ai3 - Loncatan – batuan yang sederhana besar saiznya, bersegi-segi atau leper akan digerakkan oleh air sungai secara berperingkat-peringkat di sepanjang dasar sungai mengikut pertambahan tenaga sungai. Jika banjir berlaku penambahan isipadu air sungai akan menyebabkan bahan muatan sungai seperti batu pasir dan kelikir akan diangkut secara loncatan/lompatan (timbul dan tenggelam secara berulang-ulang)

Ai4 - Golekan – bahan muatan yang lebih besar dan bulat seperti bongkah batu akan ditolak beransur-ansur di sepanjang dasar sungai mengikut pertambahan tenaga sungai akibat hujan lebat atau pencairan salji. Pertambahan tenaga sungai akan menyebabkan bongkah batuan yang besar akan(digolekkan) dianjakkan sedikit demi sedikit dari tempat asal. Bahan-bahan ini lazimnya akan terdampar diperingkat muda atau dewasa kerana sungai kehilangan tenaga akibat berat beban atau tenaga sungai berkurangan.

Ai5 - Seretan – Bahan-bahan muatan sungai yang berat seperti ketulan batu dan batu tongkol yang hampir bulat atau berbentuk blok akan diseret disepanjang dasar sungai. Keadaan ini akan menyebabkan hakisan lelasan yang giat didasar sungai.

Suka sampel ini?

Kertas Percubaan STPM

Sem 1 · Geografi

- Semester 1: kertas percubaan (trial) negeri, subjek yang dipilih + skema
- Blueprint 30 hari Semester 1 (setiap subjek)
- Semester 3: percubaan 2024, 10 subjek, banyak negeri, soalan + skema dalam satu fail

RM12.90

BELI SEKARANG >

nightmew.com/p/stpm · FPX online banking · download serta-merta